

'Ketenteraman diutamakan jika negara

JANGAN SALAH

MM 30 AUG 1987

DASAR LIBERAL

terancam'

GUNA

- PM

Oleh
Rosli Ismail

KUALA LUMPUR 29 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini jika ketenteraman negara terancam keutamaan akan diberikan kepada pemulihan ketenteraman dan bukan kepada dasar liberal kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan demikian sebagai mengulas adanya anggapan bahawa kerajaan sekarang lemah dan boleh dipertandingkan ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Ke-35 MIC di Hotel Merlin, Subang dekat sini.

Beliau mengingatkan semua pihak dasar liberal yang diamalkan sekarang tidak seharusnya dijadikan lesen atau permit untuk berbuat apa sahaja sehingga ketenteraman negara terancam.

Katanya, kerajaan mahu meneruskan dasar liberal yang diamalkannya sekarang, tetapi ia perlu memastikan bahawa liberalisme itu tidak disalahfahsirkan dan disalahgunakan.

"Ada pendapat yang berkata kerajaan sekarang ini lemah dan boleh dipertandingkan. Tetapi jikalau ketenteraman negara terancam, maka keutamaan diberikan kepada pemulihan ketenteraman dan bukan kepada dasar liberal kerajaan," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata jika rakyat menghargai liberalisme mereka mestilah pandai memelihara kebebasan yang diberikan.

Dalam ucapan itu Perdana Menteri juga mengingatkan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional bahawa mereka tidak boleh menjadi hero kaum mereka tanpa menjejaskan imej mereka sebagai pemimpin semua rakyat dalam suasana parti campuran kaum dan dalam negara berbilang kaum ini.

Katanya, mereka tidaklah dikehendaki membelakangkan terus semua kepentingan kaum dan parti mereka demi kepentingan kaum dan parti lain dalam Barisan Nasional.

"Sementara kita patut menjaga kepentingan kaum kita, janganlah kita mudah tersinggung dengan perkara-perkara titik bengek atau remeh-temeh," katanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad jika

LIHAT MUKA 12

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM 30 AUG 1987

'Jangan salahgunakan dasar liberal'

mereka ingin perkara kecil ini diketengahkan memang ada saluran untuk berbuat demikian dalam Barisan Nasional tanpa heboh-heboh.

Beliau kecewa kerana kebelakangan ini ada di kalangan para pemimpin parti komponen itu nampaknya suka berlagak sebagai hero untuk mendapatkan sokongan ahli dan sekumpulan orang bagi diri sendiri tanpa mengambilkira kesan terhadap Barisan Nasional bahkan negara.

Dalam pada itu beliau juga menasihatkan pihak-pihak yang menurutnya tidak perlu menghadapi pengadilan rakyat lima tahun sekali supaya mengenal keutamaan dalam sesuatu perjuangan mereka.

Katanya, janganlah kerana kedudukan mereka sendiri tidak boleh tergugat maka mereka tidak mengambilkira masalah orang yang terpaksa menghadapi pilihanraya lima tahun sekali.

"Salah satu sebabnya kita gagal mengimbangkan kedudukan kaum antara kaum ialah kerana kita begitu asyik dengan simbolisme yang tidak ada isi."

"Dengan menghabiskan segala tenaga dan masa memperjuangkan simbol-simbol yang kita ciptakan maka perjuangan yang sebenarnya tidak lagi mendapat perhatian," katanya.

Beliau lalu meminta semua pihak melihat balik sejarah. Perikatan dan Barisan Nasional di mana telah dapat diatasi semua pertelingkahan antara parti dan kaum yang telah muncul sejak sebelum merdeka lagi.

"Justeru itu kita harus yakin bahawa sebarang masalah antara kita dalam Barisan Nasional atau antara kaum di Malaysia dapat kita selesaikan akhirnya," kata Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Perdana Menteri menambah apa yang diperlu-

kan ialah kesabaran dan penggunaan cara-cara yang tidak menambah lagi kerumitan kepada masalah yang dihadapi.

"Kita harus ingat bahawa penyelesaian yang terbaik ialah satu penyelesaian yang tidak memenuhi sepenuhnya tuntutan mana-mana pihak yang terlibat," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya meminta rakyat tidak membuat perbandingan zaman dahulu dan sekarang dengan sewenang-wenang.

Menurut Perdana Menteri dakwaan bahawa semuanya baik dahulu dan semuanya tidak baik sekarang adalah tidak berasas.

"Perkauman yang ketara juga wujud dahulu. Sebab itu berlaku peristiwa 13 Mei. Yang berbeza ialah kita lebih liberal sekarang dan ramai yang mengambil kesempatan daripada kebebasan yang diberikan untuk menyentuh perkara-per-

kara sensitif perlembagaan sendiri dicabul berkali-kali tanpa tindakan kerajaan."

Beliau menarik perhatian kebelakangan ini ramai daripada rakyat sudah bijak dan pandai mengelak dari tuduhan mencabuli undang-undang.

Lebih buruk lagi, katanya, ramai daripada rakyat yang sudah pandai menggunakan undang-undang sendiri untuk mengelak dari tindakan undang-undang.

Ada orang yang menuntut, 'rule of law' tetapi orang yang sama atau jenis yang sama yang mendakikan 'rule of law' melalui kepintaran mereka memeralatkan undang-undang termasuk apa yang dikenali sebagai 'British common law'.

Perdana Menteri berkata beliau bimbang aliran ini akan menjejaskan kredibiliti profesion atau institusi berkenaan sendiri.